



MUHAMMAD HAFIZ AMIR (tengah), Shafatin Mohd. Zalsar (kiri) dan Abdul Rahman Razali antara pelatih terbaik Kor Suksis pada majlis tamat latihan di Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

Muhammad Hafiz rangkul Pelatih Terbaik Kor Suksis

MINAT mendalam terhadap bidang kepolisan ternyata memberi tuah kepada pelajar tahun tiga program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Jaminan dan Keselamatan Maklumat, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Hafiz Amir, 22, apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan, Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) dalam satu Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Kor Suksis Kali Ke-11 yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

"Pada mulanya, saya berasa terkejut dan sudah tentulah saya sangat gembira apabila dinobatkan sebagai pelatih terbaik. Saya menyertai kadet polis semasa di sekolah dahulu dan memilih Kor Suksis sebagai badan kokurikulum unit beruniform apabila menyambung pelajaran di USIM. Saya pilih kokurikulum ini kerana ingin meneruskan minat mendalam dalam bidang kepolisan.

"Kursus dan aktiviti yang dikongsiakan oleh pelatih senior menambah lagi minat dan kesungguhan saya untuk menyertainya," katanya kepada .com.

Menurutnya, perubahan positif yang berlaku pada dirinya sejak menyertai Kor Suksis ini antara lain adalah berasa lebih berkeyakinan apabila bercakap dalam khalayak ramai,

penampilan lebih kemas dan berani mengambil tanggungjawab untuk ke hadapan sebagai ketua.

Katanya, mematuhi arahan jurulatih dan melakukan yang terbaik dalam setiap tugas merupakan tip buat dirinya untuk merangkul anugerah berkenaan.

"Insyaa-Allah, selepas menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda nanti, saya akan menyertai kerjaya bersama pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," ujarnya.

Hari cemerlang tersebut turut dikongsiakan 56 pelatih Kor Suksis USIM apabila kesemua mereka ditauliahkan sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis pada tahun ini.

Kesemua pelatih berkenaan terdiri daripada 26 lelaki dan 30 perempuan dan merupakan penuntut program ijazah sarjana muda di universiti berkenaan. Kesemua mereka menerima watak masing-masing dalam satu majlis yang sama.

Para pelatih telah mengikuti latihan selama enam semester pengajian dan menjadi kumpulan ketujuh Inspektor Sukarelawan Polis yang dilahirkan sejak Kor Suksis USIM ditubuhkan pada 2006.

Sementara itu, majlis yang dirasmikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar turut menyaksikan seramai 1,026 pelatih Kor Suksis Universiti Awam dari seluruh negara diraikan penuh gemilang. - DHYAZULHIMI DAUD